



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI,  
TINGKAT 14, 17 & 18,  
WISMA BAPA MALAYSIA,  
PETRA JAYA  
93502 KUCHING,  
SARAWAK.

Telefon Am : 082-441957  
Kawat : FINANCIAL KUCHING  
Teleks : STAFIN MA70023  
Fax : 082-442355/313245

4860

Ruj Tuan :

Ruj Kami : SFS/00021/2 SFS-CIRCULARS(P)(2)

Tarikh : 24 DEC 2020

**Semua Setiausaha Tetap Kementerian**

**Semua Ketua Jabatan Negeri**

**Semua Residen Bahagian**

**Semua Ketua Badan-Badan Berkanun Negeri**

**Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri**

**KETETAPAN / PERATURAN PROSES CABUTAN UNDI BAGI RURAL TRANSFORMATION PROJECTS (RTP) AKIBAT WABAK COVID-19**

Dengan segala hormatnya surat rasmi pejabat ini dengan rujukan SFS/00021/1 SFS-CIRCULARS(P)(24) bertarikh 27 Mei 2020 dan perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, Ketetapan / Peraturan Proses Cabutan Undi bagi *Rural Transformation Projects (RTP)* seperti di **Lampiran A** adalah dilanjutkan sehingga **30 Jun 2021**.

3. Ketetapan / Peraturan Proses Cabutan Undi ini hendaklah dibaca bersekali dengan Tatacara Perolehan Untuk *Rural Transformation Projects* melalui Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.06/2018 dan Bil.07/2020.

4. Sebarang pengecualian daripada mana-mana peraturan perolehan yang ditetapkan di dalam surat ini hendaklah mendapat kelulusan secara bertulis terlebih dahulu daripada Setiausaha Kewangan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**

(DATU DR. WAN LIZOZMAN BIN WAN OMAR)  
Pemangku Setiausaha Kewangan Negeri  
Sarawak

Senarai Account

30/10

RECEIVED  
DIRECTOR OF AGRICULTURE (HQ)  
CACTUS - DOA/HQ/ 037  
29 DEC 2020

SCAN	✓	ROUTED	✓
FILE			
REMARKS	SV AU		

.../12

-2-

s.k.:

1. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
2. Pengarah, Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
3. Pengarah Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri
4. Akauntan Negeri, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

## LAMPIRAN A

**KETETAPAN / PERATURAN PROSES CABUTAN UNDI BAGI  
RURAL TRANSFORMATION PROJECTS (RTP) SEHINGGA  
30 JUN 2021**

BIL	KETETAPAN / PERATURAN PROSES CABUTAN UNDI
1	<p><b>Peraturan Khusus Proses Cabutan Undi :</b></p> <p>Pengendalian proses Cabutan Undi hendaklah berdasarkan perkara-perkara seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Hanya kontraktor yang layak dan disenarai pendek oleh Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian dibenarkan untuk menyertai Cabutan Undi seperti yang ditetapkan di dalam surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.06/2018.</li> <li>b) Hanya <b>seorang (1)</b> pemilik / penama syarikat seperti di dalam Sijil Pendaftaran UPKJ dibenarkan hadir ke sesi Cabutan Undi.</li> <li>c) Menetapkan hanya <b>maksimum sepuluh (10) projek sahaja</b> di dalam <b>satu sesi Cabutan Undi</b>. Walau bagaimanapun, sekiranya ramai kontraktor yang disenarai pendek dan layak menyertai Cabutan Undi, maka Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian <b>boleh mengurangkan bilangan projek</b> mengikut bilangan yang bersesuaian dalam satu-satu sesi dengan syarat <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> semasa Cabutan Undi hendaklah dipatuhi. Ini adalah bagi mengawal kehadiran kontraktor yang terlalu ramai pada satu-satu masa dan memudahkan urusan Cabutan Undi.</li> <li>d) Untuk memastikan semua projek RTP dapat dilaksanakan melalui proses Cabutan Undi dengan kadar segera, sesi Cabutan Undi <b>boleh diadakan lebih daripada sekali di dalam satu hari</b> mengikut keperluan dengan syarat <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> semasa Cabutan Undi hendaklah dipatuhi.</li> <li>e) Peraturan khusus ini hendaklah dibaca bersekali dengan <b>Tatacara Perolehan Untuk Rural Transformation Projects melalui surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.06/2018</b> dan <b>Bil.07/2020</b>.</li> </ul>

## LAMPIRAN A

BIL	KETETAPAN / PERATURAN PROSES CABUTAN UNDI
2	<p data-bbox="277 331 1241 371"><b>Standard Operating Procedure (SOP) Semasa Cabutan Undi :</b></p> <p data-bbox="277 412 1378 488">Pada sesi Cabutan Undi, urus setia Cabutan Undi hendaklah mematuhi <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> seperti berikut :</p> <ul data-bbox="277 519 1385 1357" style="list-style-type: none"><li data-bbox="277 519 1385 698">a) Bilangan kehadiran urus setia serta pegawai-pegawai Agensi Pelaksana yang terlibat semasa sesi Cabutan Undi hendaklah diminimumkan dan juga hanya <b>seorang (1)</b> pemilik / penama syarikat seperti di dalam Sijil Pendaftaran UPKJ dibenarkan hadir ke sesi Cabutan Undi.</li><li data-bbox="277 734 1385 958">b) Urus setia hendaklah memastikan semua pegawai, kontraktor, termasuk urus setia adalah bebas daripada demam, batuk dan selesema sebelum memulakan Cabutan Undi. Pengimbasan suhu badan juga hendaklah dibuat ke atas semua pegawai dan kontraktor yang akan menyertai Cabutan Undi dan memastikan ia berada di bawah paras suhu badan yang normal.</li><li data-bbox="277 994 1385 1070">c) Urus setia hendaklah memastikan <i>hand sanitizer</i> disediakan di tempat Cabutan Undi.</li><li data-bbox="277 1106 1385 1214">d) Urus setia hendaklah memastikan kedudukan semua yang hadir adalah berada di dalam jarak yang selamat (sekurang-kurangnya satu (1) meter di antara satu sama lain).</li><li data-bbox="277 1249 1385 1357">e) Mengamalkan langkah pencegahan sebelum/semasa sesi Cabutan Undi seperti mengelakkan bersalam, aktiviti perbualan yang terlalu dekat dan pemakaian topeng muka adalah digalakkan.</li></ul>